

**TEKS UCAPAN KETUA PUSTAKAWAN UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK (UNIMAS) PADA MAJLIS PERASMIAN PROGRAM JOM BACA BERSAMA 10 MINIT DAN BEDAH BUKU, SEMPENA HARI BUKU DAN HAKCIPTA SEDUNIA DI AUDITORIUM , PUSAT KHIDMAT MAKLUMAT AKADEMIK, UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK. 28 APRIL 2014**

Terima Kasih, Saudara/i Pengacara Majlis

Selamat Pagi, Salam Sejahtera, Salam 1 Malaysia dan Salam UnimasKu Sayang

Yang Berbahagia, Profesor Dr. Kopli Bujang  
Timbalan Naib Canselor ( Penyelidikan & Inovasi) UNIMAS

Yang Berusaha

Pn Zainun Mat Nor dan Tn Hj Valentino Abu Bakar ,  
Pengerusi Bersama Jawatankuasa Pelaksana

Dekan-Dekan, Pengarah-Pengarah UNIMAS,  
Ketua-Ketua Jabatan Kerajaan/Perpustakaan/Pengetua-  
Pengetua/Guru-Guru Sekolah negeri Sarawak

Siswa Siswi UNIMAS

Tuan-tuan serta puan-puan dan sidang hadirin yang saya hormati sekalian.

Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan mengalu-alukan kehadiran para hadirin ke Majlis Perasmian Program 'Jom Baca Bersama 10 Minit dan Bedah Buku' peringkat UNIMAS pagi ini. Saya juga ingin merakamkan jutaan terima kasih khususnya kepada Yang Berbahagia, Profesor Dr Kopli Bujang, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi) UNIMAS di atas kesudian untuk hadir merasmikan Majlis. Sesungguhnya kehadiran Yang Berbahagia Profesor benar-benar memberi makna kepada kita semua.

Sidang hadirin

1. Program ini diadakan sempena Hari Buku dan Hakcipta Sedunia.. Pertubuhan Pendidikan, Sains dan Kebudayaan (UNESCO) PBB telah menetapkan 23 April setiap tahun sebagai hari yang bersejarah ini. Walau apapun tarikh ini merupakan simbolik sahaja kerana pada amalannya pelbagai kempen dan program dilaksanakan sepanjang tahun bagi meningkatkan budaya membaca dan menulis.
2. Memang tidak dinafikan buku hari ini diterbitkan dalam pelbagai format samada cetak mahupun elektronik, dan boleh diakses dan dibaca secara online, dan dengan perkembangan ICT tanpa sempadan rata-rata kehidupan

kita sepanjang masa didatangi dengan maklumat yang disalurkan melalui pelbagai alat komunikasi, contohnya melalui telefon pintar, iphone, ipad dan pelbagai aplikasi terkini seperti WhatsApp, Instagram dan sebagainya.

3. **Kajian Olahan Semula Profil Membaca Rakyat Malaysia pada tahun 2010** merumuskan bahawa secara puratanya, golongan yang berusia 10 hingga 40 tahun membaca 8 buah buku setahun, manakala mereka yang berumur lebih daripada 40 tahun hanya membaca enam buah buku setahun.
4. Fenomena ini menjelaskan bukti bahawa tahap pembacaan dalam kalangan masyarakat di negara ini masih sangat rendah dimana menjelaskan bahawa semakin meningkat umur seseorang maka semakin menurun tabiat membaca dalam kalangan penduduk di negara ini. (Sumber: Perpustakaan Negara - 17 Feb 2011)
5. Memetik kata- kata Profesor Diraja Engku Aziz , "hari ini di kalangan pelajar terutama disekolah rendah dan menengah bacaan hanya pada buku teks dan selebihnya kepada menonton televisyen dan permainan di atas talian."

6. Sebahagian besar daripada mereka yang tamat pelajaran, di semua peringkat, tidak membaca buku lagi, walaupun akhbar biasanya menarik minat mereka. Malah tidak dinafikan berkemungkinan ramai dalam kalangan penuntut kita hanya membaca buku-buku teks mereka sahaja. Keadaan ini amat merugikan para pelajar.
  
7. Justeru itu, program hari ini ia itu, " Jom Baca Bersama 10 Minit dan Bedah Buku ", antara lain adalah untuk menggalak serta menanam minat membaca dalam kalangan kita dan kita berharap minat ini akan menjadi amalan harian kita. Ini seterusnya sudah tentu akan menjadi budaya kita. Kita menjadikan setiap hari itu Hari Buku.
  
8. Jadikanlah buku sebagai teman hidup seharian, kerana buku adalah jambatan ilmu yang dapat menghubungkan kita dengan alam persekitaran, dengan masyarakat, dengan negara kita dan dengan dunia luar. Melalui buku dan pembacaan, kita akan dapat membentuk suatu budaya dan tradisi nilai serta pemikiran bangsa yang akan menjadi asas kekuatan bangsa dan negara.

9. Disamping itu juga melalui Program ini kita berharap akan dapat menanam kesedaran masyarakat terhadap pentingnya Akta hakcipta yang diiktiraf oleh badan antarabangsa ia itu, UNESCO. Masyarakat perlu menghormati hakcipta penulis, pengarang, pencipta kerana mereka inilah yang bersusah payah mencetus idea dan mengorbankan masa dan tenaga untuk menghasilkan sesebuah karya. Pagi ini kita berasa bertuah kerana 2 orang pengarang buku UNIMAS, ia itu Dr. Ahmad Nizar dan Dr Nur Affifah Vanitha Abdullah akan bersama-sama kita berkongsi pengalaman dan inspirasi di dalam menerbitkan buku mereka.
  
10. Diharap-harap melalui usaha ini dapat memberi manfaat bukan sahaja minat membaca tetapi juga minat untuk menulis.
  
11. Ini secara tidak langsung merealisasikan matlamat Universiti untuk mencapai kecemerlangan dalam pembelajaran, pengajaran, dan penyelidikan. Ini adalah selari dengan usaha untuk melahirkan 'Modal Insan Kelas Pertama yang dapat dicetuskan melalui peningkatan keupayaan dan penguasaan ilmu pengetahuan, pengukuhan sains, penyelidikan dan inovasi seterusnya pembentukan

masyarakat berbudaya dan memiliki kekuatan mental dan fisikal.

12. Akhir kata saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Bahagian Perancangan Korporat dan Komunikasi, Bahagian Khidmat Pengurusan Cancellori, Bahagian Penerbitan, Pusat Khidmat Pelajar, Pusat Pemajuan Pelajar serta Majlis Perwakilan Pelajar yang terlibat sama di dalam penganjuran Program .Terima kasih diucapkan kepada Dr. Ahmad Nizar dan Dr Nur Affifah Vanitha Abdullah kerana sudi berkongsi pengalaman mereka sebagai pengarang, pihak Media dan setinggi-tinggi penghargaan juga ditujukan kepada JK Pelaksana yang telah bekerja keras untuk menjayakan majlis kita pagi ini dan berharap dapat memenuhi objektif program.

Sekian terima kasih.